



NOTIS MAKLUMAN

PROSES KERJA BARU BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MENJUAL DAN PENYATA BAKI HUTANG

Berkuatkuasa **2 Ogos 2017**, kelulusan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi permohonan Kebenaran Menjual Harta / Mencagar Semula Harta Kepada Institusi Kewangan / Menjual Secara Kontra akan dikeluarkan bersama-sama dengan Penyata Baki Hutang. Perubahan proses kerja ini bertujuan bagi mempercepatkan tindakan terhadap permohonan tersebut di atas.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LPPSA melalui firma guaman yang telah dilantik. Ianya hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen berikut:-

- 1) Surat iringan firma guaman.
- 2) Borang permohonan :-
 - i. JH1 untuk Menebus atau Menjual atau Mencagar Harta kepada Bank / Institusi Kewangan; atau
 - ii. JH2 untuk Menjual Harta secara Kontra.

Borang JH1 dan JH2 boleh dimuat turun dari laman web rasmi LPPSA di pautan <http://www.lppsa.gov.my/v1/index.php/borang/2015-11-03-03-22-48>

- 3) Sijil Carian Rasmi atau Catatan Carian Persendirian yang terkini dan sah. Tempoh sah laku carian tersebut adalah satu (1) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

Firma guaman yang dilantik hendaklah memastikan semua dokumen yang dikemukakan adalah teratur dan lengkap sebelum ianya dihantar kepada LPPSA di alamat seperti berikut :-

**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam [LPPSA]
Jabatan Cagaran (Unit Pelepasan Gadaian)**

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya.

Sekian.

Jabatan Cagaran
1 Ogos 2017